

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 13 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah orang Islam yang telah keluar agama dan jumlah penganut agama lain yang memeluk Islam dari tahun 2010.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa perkara berkaitan hal ehwal Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan

151

Persekutuan. Oleh itu, urusan yang berkaitan dengan kes-kes di Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama Islam bagi negeri-negeri hendaklah dirujuk kepada negeri-negeri berkenaan.

Di Wilayah Persekutuan, berdasarkan semakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, tidak terdapat kes permohonan dikalangan orang Islam yang telah keluar Islam yang didaftarkan sepanjang tempoh 2010 sehingga kini.

Berhubung dengan bilangan yang memeluk agama Islam pula, berdasarkan semakan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), seramai 6,564 orang telah direkodkan telah memeluk agama Islam dan berdaftar dengan JAWI sepanjang tempoh 2010 sehingga 2017.

Sekian, terima kasih.